

Perdana Menteri ucapkan Selamat Hari Deepavali

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perayaan Deepavali adalah antara jalan dalam membangun Malaysia yang madani, hormat menghormati selain memelihara kerukunan antara kaum.

Perdana Menteri yang mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia beragama Hindu yang meraiakannya Ahad (esok) berkata, ke-

jamakan (kelaziman) budaya di negara ini mesti terus dipertahan tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

“Sebarang percubaan untuk melemahkan tiang masyarakat ini mesti dipatahkan dengan sikap berserta nilai dan budi pekerti yang tinggi,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Perdana Menteri juga berka-

ta, Kerajaan Perpaduan akan memastikan pembangunan sosioekonomi semua rakyat, pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan bantuan kepada yang memerlukan disampaikan dengan lebih tuntas dan cekap.

Anwar berkata, beliau akan berusaha memastikan kebajikan dan tahap hidup masyarakat, yakni masyarakat Hindu te-

rutama terus ditambah baik serta dilindungi dalam menjamin nikmat dan khazanah negara dirasai rakyat secara adil dan saksama.

Perdana Menteri turut menyertakan ungkapan dalam Thirukural yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu iaitu: “Kebahagiaan yang berpunca daripada etika atau tata kelola yang baik adalah nikmat yang sebe-

nar dan kegembiraan berpunca daripada sikap yang tidak beretika adalah penderitaan atau tidak membawa kebahagiaan yang mampan.”

Anwar berkata, Deepavali yang diraikan sebagai ‘pesta cahaya’ adalah simbolik kemenangan cahaya ke atas kegelapan, kebaikan atas kebobrokan serta kekuatan ilmu mengatasi kejahatan dan keangkuhan.